

03/03/2001

Rakyat tidak harus berlengah kuasai IT

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) menjulang nama Malaysia sebagai antara negara yang menunjukkan kesungguhan untuk meneroka kemajuan dalam bidang digital. Dengan prasarana secanggih itu, manfaatnya harus turut dikongsi sama oleh rakyat ke arah memajukan diri sendiri serta negara dalam pembangunan teknologi maklumat (IT). Malangnya, ia tidak demikian. Kalau pun ada peningkatan dalam penggunaan pelbagai kemudahan yang ada dalam bidang berkenaan, termasuk multimedia, kadar peningkatannya jelas amat perlahan. Hairannya, tindak balas masyarakat kita amat lembap di sebalik langkah agresif kerajaan dalam memperkayakan rakyat dengan ilmu berkaitan. Kempen 'satu keluarga satu komputer' serta kelonggaran pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pembelian komputer hanya dimanfaatkan oleh segelintir.

Pertengahan bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewa kerana masih ramai rakyat tidak berusaha mempelajari komputer dan bidang teknologi maklumat. Kekecewaan Perdana Menteri mudah difahami kerana rakyat negara ini akan semakin jauh ketinggalan dalam era komputer yang bergerak semakin pantas andainya mereka kekal dengan sikap demikian. Sebagai contoh, dibandingkan dengan dua negara jiran terdekat, pertambahan jumlah pengguna Internet di Malaysia cuma 90 peratus tahun lalu sedangkan Indonesia dan Singapura masing-masing mencatat pertumbuhan 180 dan 115 peratus. Ia menunjukkan masyarakat negara ini masih tidak bersungguh-sungguh mengejar ilmu komputer berbanding negara lain.

Mungkin tiada silapnya satu pandangan bahawa punca wujudnya jurang literasi digital yang serius di negara ini ialah sikap malas sesetengah pihak untuk memperbaiki diri. Keadaannya boleh diumpamakan bahawa pengguna komputer di negara ini ingin dibelai dan dimanjakan, dengan kemudahan itu dipersembahkan kepada mereka tanpa mereka perlu berusaha mendapatkannya. Sikap seperti ini ternyata gagal memajukan masyarakat setempat, sekali gus menggagalkan usaha kerajaan untuk membentuk negara sebagai pusat IT di rantau ini. Pelbagai platform untuk pembelajaran IT sudah diwujudkan di merata tempat, baik di bandar mahupun di desa, untuk dimanfaatkan pengguna tetapi adalah menyedihkan kerana kebanyakan kemudahan berkenaan masih diabaikan.

Alaf baru ini menghadirkan pelbagai cabaran dan rintangan, dengan persaingan yang harus lebih sengit untuk menguasai pelbagai ilmu. Hanya mereka yang gigih dan sanggup berusaha keras akan berjaya manakala selebihnya tercicir dan ketinggalan. Seruan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin agar semua lapisan rakyat sama-sama menyokong dan membabitkan diri secara langsung dalam pembangunan IT negara, harus disahut dengan cara sebaik-baiknya. Rakyat sebenarnya tidak lagi boleh berlengah. Dengan kemahiran dalam bidang IT banyak membawa faedah kepada negara, termasuk membantu memajukan sektor ekonomi, satu-satunya pilihan yang ada ialah menguasai ilmu berkaitan. Penggunaan komputer hendaklah diterapkan sebagai budaya, bukan lagi alat yang mencetuskan bermacam kesangsian dan kecurigaan.

(END)